

Hari Menabung Kebangsaan 2017 anjuran AMBD

TETAMU kehormat semasa menyampaikan hadiah kepada para pemenang Pertandingan Promo Radio dan Pertandingan Promo Video.

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Mei. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengadakan Majlis Hari Menabung Kebangsaan 2017 dan Financial Showcase di The Mall, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud juga selaku Ahli Lembaga Pengarah AMBD.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Negara-negara Sahabat ke Negara Brunei Darussalam; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ketua-ketua eksekutif institusi-institusi kewangan di negara ini.

Tetamu kehormat berucap pada majlis itu dan seterusnya merasmikan penubuhan Brunei Capital Market Association (BCMA).

Beliau juga menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Promo Radio yang dibukakan kepada penuntut-penuntut sekolah menengah kerajaan dan swasta juga Pertandingan Promo Video bagi orang ramai sempena Hari Menabung Kebangsaan 2017.

Sejurus itu, Yang Mulia Dato Paduka seterusnya melawat Financial Showcase, iaitu pameran yang mengetengahkan produk dan perkhidmatan pengurusan kewangan.

Antara institusi-institusi kewangan yang turut memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing adalah AMBD, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Baiduri Bank Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Standard Chartered Bank, AIA Co. Ltd., Great Eastern Life Assurance dan Takaful Brunei Keluarga (TBK) Sdn. Bhd.

Sempena Hari Menabung Kebangsaan 2017 tersebut, AMBD dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei (RTB), TAP serta institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi berkenaan telah mengadakan beberapa jerayawara.

[Close \(/Lists/Berita/AllBerita.aspx\)](#)